

KERONGSANG DAN PENGHASILANNYA MELALUI TEKNIK TUANGAN PADA MASA KINI

YUSAZLEEN BT YUSOF

96206532

FOTOSTAT TIDAK DISEN

Tesis ini dikemukakan kepada Fakulti Senilukis dan Senireka, Universiti Teknologi MARA sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda Senireka Logam Halus.

1. Diperiksa oleh Tarikh.....
2. Diperiksa oleh Tarikh.....
3. Diluluskan oleh Tarikh.....

Dekan

Fakulti Senilukis dan Senireka

Universiti Teknologi MARA

40450 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

BISMILLAHIRRAHMANIR-RAHIM

Alhamdulillah, syukur ke Hadrat Ilahi dan dengan izinNya jua tesis ini berjaya disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Oleh itu penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Fuziah binti Mohamad Kassim selaku penasihat tesis yang merangkap ketua kursus Jabatan Senireka Logam Halus atas keperihatinan memberi tunjuk ajar dan nasihat.

Terima kasih juga diucapkan kepada semua pensyarah Jabatan senireka Logam Halus serta kakitangan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR 1), Perpustakaan Tun Raja Uda, Perpustakaan Negara, Pusat Sumber Muzium Raja Alam Shah dan Muzium Negeri Terengganu di atas kerjasama yang diberikan. Tidak lupa juga kepada Puan Hanizah Zainuddin selaku pemilik Syarikat D'or Rue Sendirian Berhad yang telah memberi kebenaran untuk menemubual beberapa orang pekerjaanya.

Penghargaan terima kasih juga disampaikan kepada bonda, Hajjah Ramlah binti Haji Awang Mat di atas pengorbanan dan dorongan yang diberikan. Juga buat ayahanda, Haji Ismail @ Yusof bin Haji Abdullah yang telah kembali ke Rahmatullah semoga rohnya dicucuri rahmat.....Al-Fatihah. Tidak lupa juga kepada adik-beradik penulis dan seluruh ahli keluarga yang sedikit sebanyak membantu samada secara langsung atau tidak langsung.

a. Objektif

Penghasilan tesis ini bertujuan untuk menyingkap sejarah pembentukan logam melalui teknik tuangan. Pembentukan logam yang dimaksudkan adalah mengenai proses penghasilan kerongsang yang digunakan sebagai perhiasan pada pakaian. Kerongsang bukan sahaja dipakai pada pakaian tetapi terselit rahsia disebalik corak dan rekabentuknya. Penulis juga cuba menyalurkan pengetahuan kepada masyarakat tentang kepentingan kerongsang bahawa ia bukanlah satu perkara yang remeh-temeh dan tidak perlu diambil tahu.

Selain itu, penulis ingin mendedahkan kepada masyarakat tentang proses pembuatan kerongsang melalui teknik tuangan. Di samping itu, penulis membincangkan mengenai fungsi, jenis dan penggunaanya pada masa kini. Penulis juga mengenalpasti jenis logam yang sesuai digunakan serta kelebihan teknik tuangan dalam penghasilan kerongsang.

SENARAI ISI KANDUNGAN

HALAMAN PEMERIKSA	i
PENGHARGAAN	ii
SINOPSIS	iv
SENARAI ILLUSTRASI	ix
1 . PENGENALAN	12
1.1 : Definisi Kerongsang	14
1.2 : Sejarah Penggunaan Kerongsang	16
2 . PERHIASAN KERONGSANG MELAYU	
2.1 : Jenis Kerongsang	
2.1.1 : Kerongsang Bunga Roda	20
2.1.2 : Kerongsang Delima Bunga Sena	22
2.1.3 : Kerongsang Burung Cenderawasih	24
2.1.4 : Kerongsang Gwang	25
2.2 : Rekabentuk Dan Motif Kerongsang	26
2.3 : Pengaruh Asing Pada Kerongsang	33
3 . TEKNIK TUANGAN DALAM PENGHASILAN KERONGSANG	
3.1 : Perkembangan Teknik Tuangan	35
3.2 : Teknik Tuangan Menggunakan Acuan Getah	39

1. PENGENALAN

Kerongsang merupakan satu perhiasan yang tidak asing lagi khususnya bagi masyarakat Melayu. Kerongsang juga dikenali sebagai pengancing yang disematkan pada baju kebaya. Penggunaan kerongsang telah berkembang secara meluas dan sehingga kini masih ramai yang memakainya. Ia boleh dikaitkan dengan kebudayaan orang-orang Melaka, Portugis, Cina dan juga India.

Oleh kerana bentuk kerongsang ini berbeza daripada kancing-kancing yang lain, penggunaannya adalah terhad. Salah satu sebabnya ia hanya sesuai dipakai pada baju-baju kebaya yang berbentuk labuh atau pendek. Baju kebaya merupakan pakaian harian pada masa dahulu tetapi pada masa kini ia kurang dipakai disebabkan oleh kesan daripada pengaruh barat. Baju ini hanya dipakai dalam majlis-majlis tertentu sahaja. Secara tidak langsung, pakaian jenis ini telah diterima sebagai pakaian rasmi bagi kaum wanita.

Kerongsang pada asalnya telah banyak diperkenalkan di negara ini oleh pedagang-pedagang yang datang dari India dan China. Pedagang-pedagang tersebut telah bermastautin di negara ini sehingga ada di antara mereka yang telah menceburkan diri dalam pembuatan barang-barang kemas. Kebanyakan daripada mereka berasal dari negara China dan secara tidak langsung kebudayaan mereka telah mempengaruhi pembuatan kerongsang-kerongsang yang dipakai oleh masyarakat Melayu. Lama—